

OLEH: MUHAMMAD LUTFI ZAHID

Menduniakan Bahasa Melayu Melalui Industri Kreatif



Prof. Dr. Mohd Hatta Azad Khan, "Rangkaian kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan untuk tujuan menyebarkan bahasa Melayu."

Kuala Lumpur - "Suatu bangsa itu hanya dikenali, dipelajari dan dikagumi melalui bahasa dan budayanya. Jika kita belajar bahasa bangsa tersebut, maka dengan sendirinya kita akan belajar budayanya, termasuklah falsafah, cara hidup, adat resam dan sebagainya. Dalam hal ini, jika kita menduniakan bahasa Melayu, secara tidak langsung kita akan menduniakan budaya Melayu," jelas Prof. Dr. Mohd Hatta Azad Khan, Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ketika menyampaikan Syarahan Majlis Bahasa Brunie Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) 2015 yang berlangsung pada 24 November 2015 di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Kira-kira 100 peserta menghadiri syarahan yang telah dianjurkan untuk kali kelapan itu.

Dalam syarahan yang bertajuk "Menduniakan Bahasa Melayu Melalui Industri Hiburan", beliau menyatakan bahawa industri

hiburan atau kreatif merupakan satu industri yang mencakupi pelbagai bidang termasuklah filem, drama, muzik, permainan video dan sebagainya. Industri kreatif memainkan peranan penting dan merupakan wahana dalam mengeksploitasi daya cipta dengan pelbagai elemen seni yang memberi gambaran nilai murni, nilai estetik, gaya dan perasaan. "Apabila kita menggunakan sesuatu bahan hiburan seperti filem misalnya, sebagai bahan pengajaran bahasa, kita perlu bijak memilih karya yang sesuai untuk dijadikan medium menduniakan bahasa Melayu," ujar beliau.

"Kadang-kadang kuantiti mengatasi kualiti. Terdapat lambakan filem tempatan, tetapi tidak berkualiti. Hal ini mengakibatkan kualiti industri perfileman kita semakin jatuh. Oleh yang demikian, filem seharusnya disaring semula bagi tujuan untuk mendaulatkan bahasa Melayu, di samping memaparkan budaya, pemikiran dan falsafah yang terselit dalam filem tersebut," tegas beliau.

Jika dilihat negara maju seperti Perancis dan Korea Selatan, mereka amat menitikberatkan penggunaan bahasa ibunda dalam pelbagai bidang, termasuklah dalam bidang industri kreatif. Korea Selatan misalnya, menggunakan industri kreatif sepenuhnya dalam menyebarkan bahasa dan budaya mereka. "Melalui K-pop dan K-drama, dunia mengenali Korea dengan lagu, drama dan filemnya. Kini begitu banyak orang mengetahui bahasa Korea kerana mereka menyebarkan



bahasa dan budaya melalui industri kreatifnya. Industri filemnya sudah menjadi contoh bagi Jepun dan China. Bahkan dari segi pasaran tempatan, filem mereka mencapai 64 peratus penonton mengatasi filem dari Amerika. Hal ini menunjukkan mereka membina jati diri di negara mereka sendiri sebelum ke peringkat antarabangsa," katanya.

Tambah beliau, apabila bercakap mengenai mendaulatkan dan mengantarabangsakan bahasa, bahasa itu seharusnya diguna pakai oleh individu yang mempelajarinya hingga ke tahap berupaya mengenali budaya, falsafah dan pemikirannya. Dalam hal ini, kedutaan luar negara memiliki kelebihan dalam memainkan peranan untuk menyebarkan bahasa dan budaya Melayu di persada dunia. "Salah satu usaha yang boleh kita lakukan adalah dengan menggunakan peranan kedutaan luar. Ini merupakan cara terbaik menggunakan industri hiburan

untuk tujuan mempelajari bahasa dan perlu dikaitkan dengan agensi kebahasaan. Negara Jerman misalnya, sedar akan perkara ini. Mereka menggunakan kedutaan luar untuk mengajar bahasa dan memperkenalkan budaya, melalui filem, muzik dan sebagainya."

"Untuk tujuan membangunkan bahasa dan budaya, kita perlukan rangkaian kerjasama dengan banyak pihak. MABBIM misalnya, boleh dijadikan sebagai platform untuk memilih bahan-bahan untuk diguna pakai, selain turut mengundang karyawan untuk menarik minat pelajar-pelajar mempelajari bahasa Melayu. Dalam hal ini, semangat dan kerjasama perlu dilakukan bersama institusi asing luar negara," ujar beliau.

Syarahan MABBIM merupakan kegiatan bersama antara tiga negara anggota iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam yang dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun. Syarahan ini bertujuan untuk memasyarakatkan perkembangan bahasa Melayu dalam kalangan negara anggota, selain pertukaran pakar, tokoh pejuang dan pencinta bahasa antara ketiga-tiga negara anggota. Di samping itu, kegiatan tersebut dilihat sebagai usaha untuk mengembangkan bahasa Melayu melalui syarahan dan perbincangan. **PB**